

# Polis ambil keterangan Muhyiddin, Zaid Ibrahim

Manakala siasatan ke atas Abdul Hadi sudah selesai, kertas siasatan akan dirujuk kepada pejabat Timbalan Pendakwa Raya

Oleh **HISYAMUDDIN AYUB**  
**KUALA LUMPUR**

**P**olis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan pihaknya mengambil keterangan daripada Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin dan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mohd Zaid Ibrahim pada Khamis.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain berkata, keterangan Muhyiddin diambil di pejabatnya di Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dekat sini, manakala Mohd Zaid hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Beliau berkata, kesemua soalan yang dikemukakan oleh polis telah dijawab sepenuhnya oleh kedua-dua pemimpin tersebut.

"Alhamdulillah, kerjasama yang diberikan oleh kedua-duanya adalah sangat baik dan pendekatan dibuat secara profesional.

"Kedua-duanya menunjukkan bahawa mereka bertanggungjawab dengan apa yang telah diperkatakan dan tidak lepas (menafikan) begitu sahaja.

"Pastinya ia memudahkan kerja kami untuk melakukan siasatan," katanya dalam sidang akhbar di sini pada Khamis.

Menurut Mohd Shuhaily, lima saksi telah dipanggil memberi keterangan berhubung kenyataan yang dibuat oleh Muhyiddin sebelum ini.

Pada 3 September lalu, Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) itu dikatakan mengeluarkan kenyataan berbau perkauman dalam satu ceramah di Simpang Jeram, Johor.

Ucapannya itu turut dikongsi menerusi halaman Facebook yang mana mengandungi 'Melayu pada hari ini tidak lagi menguasai kerajaan, maknanya orang Melayu sudah hilang kuasa, sedar ataupun tidak, betul ataupun tidak'.

Media melaporkan, tindakan itu dilakukan Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT) Bukit Aman di bawah Seksyen 4(A) Akta Kesalahan Pilihan Raya dan Seksyen 233 Akta Komunikasi Multimedia 1998.

Pada 12 September lalu, pihak polis mengambil kenyataan Ahli Parlimen Pagoh itu bagi membantu siasatan ber-



Muhyiddin (kiri) ketika hadir ke pejabat MIDA untuk beri keterangan pada Khamis.

hubung dakwaan kenyataannya, bahawa haram mengundi calon Pakatan Harapan (PH), Suhaizan Kayat pada PRK Parlimen Pulau lalu.

Sementara itu katanya, siasatan ke atas Presiden Pas, Tan Sri Abdul Hadi Awang sudah selesai.

Untuk itu jelasnya, kertas siasatan akan dirujuk kepada pejabat Timbalan Pendakwa Raya bagi tindakan lanjut.